

## PEMBENTUKAN KATA SELAPIS DAN ASAL-USUL PANTUN MELAYU

ABDULLAH JUMAIN ABU SAMAH  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### 1.1 KETERANGAN RINGKAS YANG DIBERIKAN OLEH ASMAH

Asmah menjelaskan bahawa pembentukan kata ialah cara kata-kata dibentuk atau proses yang dilalui oleh sesuatu kata dalam pengwujudannya. Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa proses ini disebut morfologi. Dalam bahasa Melayu terdapat lima proses pembentukan kata:

- i. menimbulkan kata selapis
- ii. menggunakan penambahan
- iii. menggunakan penggabungan kata yang setara (atau pemajmukan)
- iv. menggunakan penggandaan
- v. menimbulkan akronim.<sup>1</sup>

Asmah memberi keterangan-keterangan yang jelas tentang proses-proses penambahan, penggandaan, pemajmukan dan pembentukan akronim; walau bagaimanapun tidak ada keterangan yang diberi tentang bagaimana berlakunya proses pembentukan kata selapis. Beliau menyebut:

Pengwujudan kata selapis merupakan proses yang paling tua yang menggunakan satu morfem bebas untuk satu rujukan misalnya 'lauk', 'ikan', 'nasi' dan sebagainya.<sup>2</sup>

Tidak ada penghuraian tentang proses pembentukan kata selapis ini adalah kerana proses pembentukan kata selapis yang pada hakikatnya tetap ada itu masih belum diselidiki hingga kini. Asmah cuma mengatakannya sebagai proses paling tua berhubung dengan pembentukan kata dalam bahasa Melayu.

Davis menjelaskan bahawa bahasa bersifat arbitrari.<sup>3</sup> Tiada ada kaitan secara langsung di antara sesuatu istilah dengan sesuatu objek, idea, konsep dan sebagainya walaupun istilah tersebut dimaknakan kepada sesuatu objek, idea, konsep dan lain-lainnya itu. Faktor inilah yang menyebabkan sesuatu objek, idea, konsep dan sebagainya disebut dengan istilah-istilah yang berlainan dalam berbagai-bagai bahasa. Keterangan Asmah tentang pembentukan kata selapis sebagai proses paling tua morfologi bahasa Melayu kepada mulanya adalah mengelirukan. Ini adalah kerana kajian-kajian morfologi bahasa Melayu sehingga kini tidak sedikit pun menyentuh mahupun menghuraikan proses pembentukan kata selapis dalam bahasa Melayu. Di antara persoalan yang timbul ialah: 'Bagaimanakah berlakunya proses pembentukan kata selapis sedangkan kata selapis itu sendiri terdiri daripada satu morfem bebas?' Persoalan ini tidak dapat dijawab lantas dibuat tanggapan dangkal: Pembentukan kata selapis dalam bahasa Melayu tentulah berkait dengan aspek-aspek arbitrarinya bahasa oleh itu perkataan-perkataan 'lauk', 'ikan', 'nasi' dan

lain-lainnya diwujudkan secara sewenang-wenang ketika istilah-istilah tersebut diperlukan pemakaiannya.

Permasalahan berkaitan dengan proses pembentukan kata selapis seperti yang dijelaskan ini dapat difahami setelah dirujuk kembali kepada keterangan Asmah apabila memperkatakan tentang *Comparative Linguistics in Southeast Asia: Its Scope and Method of Approach*. Di antara lain Asmah menyebut:

No doubt in the historical genetic study some amount of data will be taken from written materials. Even in such a case, the analysis should be supported by data based on scientific synchronic description, which can be based on the spoken forms as well as on contemporary written materials.

A satisfactory piece of data of an empirical nature can be obtained in field-research and direct observations. Mere library research may not give the facts that sought for.<sup>4</sup>

Kandungan petikan ini dapat dijangkakan kepada permasalahan berkait dengan proses pembentukan kata selapis dalam bahasa Melayu. Sekiranya jawapan-jawapan diperlukan, penyelidikan-penyelidikan seharusnya menjalankan kerja-kerja lapangan dengan memberi tumpuan kepada pemerhatian secara langsung. Penyelidikan di perpustakaan disangsikan dapat memberi fakta-fakta yang dikehendaki.

## 1.2 PEMBENTUKAN KATA SELAPIS DALAM BAHASA MELAYU

Morfologi bahasa Melayu telah diselidiki oleh beberapa orang pengkaji. Di antara mereka, Abdullah Hassan telah membuat satu kajian yang khusus. Kajian beliau bertajuk, *The Morphology of Malay*. Kajian Abdullah Hassan dan lain-lain sedikit pun tidak menyentuh tentang proses pembentukan kata selapis yang dianggap oleh Asmah sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu.<sup>5</sup>

Langkah pertama yang harus dilakukan bagi mengenalpasti proses pembentukan kata selapis yang diperkatakan oleh Asmah ialah memahami bidang morfologi itu sendiri. Jawapan harus didapati berkait dengan persoalan adakah bidang morfologi cuma terbatas kepada skop-skop yang telah dikaji oleh Abdullah Hassan dan lain-lain. Ini adalah perlu diketahui kerana sehingga kini sekalipun belum lagi ada usaha yang dilakukan untuk mengkaji proses pembentukan kata selapis. Setelah mengenalpasti tentang berkemungkinan masih adanya bidang yang belum dikaji, haruslah pula digalurkan apakah langkah-langkah selanjutnya bagi tujuan mengenalpasti proses-proses pembentukan kata selapis yang menjadi matalamat kajian.

Mengikut keterangan Schlauch, bidang morfologi adalah luas. Beliau menjelaskan bahawa morfologi melibatkan kajian bentuk-bentuk yang bebas dan tidak bebas, modifikasi bentuk-bentuk tersebut, dan perkaitannya antara satu dengan lain dalam sesuatu bahasa. Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa kajian morfologi bukanlah semata-mata berkait dengan *inflexional affixes* kepada akar tetapi menjangkau semua perkaitan yang mungkin.<sup>6</sup>

Kenyataan Schlauch tentang jangkauan bidang morfologi dapat dilihat

dengan lebih jelas dengan merujuk kepada pendapat yang diberikan oleh Partridge. Mengikuti keterangan Partridge, terdapat dua cabang morfologi iaitu pembentukan kata (*word formation*) dan pembentukan secara tidak langsung (*accidence formation*). Partridge menyatakan:

Morfology covers both accidence and word formation: the same kind of process is at work in both accidence and word formation: it is not only convenient but relevatory to consider accidence and word formation as branches of the same tree, phases of the one phenomenon, subdivisions of the one subject.<sup>7</sup>

Keterangan Partridge tentang cabang-cabang morfologi adalah penting bagi meninjau kajian-kajian morfologi bahasa Melayu. Untuk tujuan ini haruslah difahami pula konsep-konsep yang berkaitan dengan *word formation* dan *accidence formation* yang dikemukakan oleh Partridge.

Penyelidik mendapati bahawa istilah pembentukan kata (*word formation*) sebagai suatu istilah yang menunjukkan salah satu cabang morfologi boleh menimbulkan kekeliruan kerana apa-apa sahaja yang berkaitan dengan proses morfologi tentulah berkaitan dengan *word formation*. Setelah diteliti, dapat disedari bahawa istilah *word formation* yang digunakan oleh Partridge adalah merujuk kepada pembentukan kata yang seolah-olah menggunakan sesuatu bentuk terikat secara langsung. Hakikat ini dapat dipastikan setelah penyelidik meneliti keterangan-keterangan dan contoh-contoh yang diberikan oleh Partridge tentang *word formation* berbanding dengan *accidence formation*.

Dalam *word formation*, sesuatu bentuk terikat (atau sesuatu bentuk bebas yang lain) seolah-olah digunakan secara langsung. Sebagai contoh, bentuk terikat *ly*, *ed* dan *ful* seolah-olah secara langsung boleh menimbulkan perkataan-perkataan *slowly*, *quickly*, *nicely*, *badly*, *looked*, *walked*, *jumped*, *talked*, *playful*, *powerful*, *peaceful*. Dalam *accidence formation*, pengwujudan sesuatu kata adalah berbeza.

Di antara perkataan-perkataan yang diberikan sebagai contoh berkaitan dengan *accidence formation* ialah *he*, *his*, *him*, *shepherd*, *shepherdess* (bahasa Inggeris); *bon*, *bonne* (bahasa Perancis). Setelah diteliti contoh-contoh ini dapat dilihat bahawa *accidence formation* adalah jelas sebagai salah satu cabang morfologi walau bagaimanapun proses pembentukan kata-kata yang berkaitan adalah rencam. Perkataan-perkataan *he*, *his*, *him* misalnya adalah perkataan-perkataan yang berkaitan antara satu dengan lain dan di samping itu adalah jelas pula bahawa perkataan *he* telah membentuk *his* dan *him* walau bagaimanapun pengwujudan perkataan-perkataan ini tidaklah seperti pengwujudan yang melibatkan penggunaan sesuatu bentuk terikat seperti yang terdapat dalam *word formation*. Kewujudan perkataan *shepherdess* dari perkataan *shepherd* memperlihatkan situasi yang sama; *-ess* bukanlah merupakan suatu bentuk terikat yang kekerapan penggunaannya dapat dipastikan.

Kerencanaan morfologi berkaitan dengan pembentukan secara tidak langsung adalah berhubung dengan struktur tiap-tiap kata yang berkaitan. Tanpa memperhitungkan perspektif diakronik dan aspek morfologi yang berkaitan dengan pembentukan secara tidak langsung, tiap-tiap perkataan yang

sebenarnya diterbitkan dari sesuatu morfem dan *component* yang lain dari bentuk terikat yang biasa itu akan cuma dilihat sebagai satu kata selapis sahaja.

Seperti yang telah dijelaskan, *word formation* seolah-olah melibatkan penggunaan sesuatu bentuk terikat atau sesuatu bentuk bebas yang lain secara langsung. Pembentukan secara tidak langsung tidak sedemikian dan di samping itu melibatkan kerencaman morfologi.

Dalam bahasa Inggeris, proses *apophony* atau *ablaut* juga terangkum ke dalam proses pembentukan secara tidak langsung. *Appophony* sering berkait dengan kata kerja yang berhubung dengan sistem kala (*tense*) tanpa melibatkan penggunaan *-ed* sebagai bentuk terikat. Contoh perkataan-perkataan yang berkaitan ialah: *was, were; choose, chose, chosen; steal, stole, stolen*.

Kajian-kajian tentang morfologi bahasa Melayu yang dibuat sehingga kini adalah terbatas kepada pembentukan kata yang seolah-olah menggunakan sesuatu bentuk terikat atau sesuatu bentuk bebas yang lain secara langsung. Penggunaan bentuk-bentuk terikat 'me', 'ter' dan 'pe....an' misalnya adalah seolah-olah secara langsung. Tiap-tiap satu daripada bentuk terikat ini seolah-olah secara langsung membentuk perkataan-perkataan: melihat, mendengar, membasuh, menggosok; terjatuh, terpijak, tersepak, terbuang; permainan, perkataan, persaudaraan, perpisahan (dan sebagainya); sesuatu bentuk terikat cuma perlu digabungkan dengan sesuatu bentuk bebas yang dapat menerimanya. Penggandaan juga tergolong ke dalam cabang morfologi yang sama. Dalam penggandaan, pada dasarnya sesuatu bentuk bebas dengan mudahnya digandakan dengan bentuk bebas yang sama. Sebagai contoh 'budak' menjadi 'budak-budak', 'rumah' menjadi 'rumah-rumah', 'sungai' menjadi 'sungai-sungai' dan lain-lain. Pemajmukan dan bentuk-bentuk akronim juga wajar digolongkan ke dalam cabang morfologi yang sama ini walau bagaimanapun kedudukannya tidaklah sejelas unsur-unsur pengimbuhan dan penggandaan.

Bentuk-bentuk terikat 'el', 'em' dan 'er' sebagai sisipan yang wujud dalam setengah-setengah perkataan misalnya 'selusur', 'lelangit', 'gemuruh', 'gerigi', 'ceracak' dan sebagainya adalah tergolong ke dalam pembentukan secara tidak langsung. Hakikat ini adalah jelas. Bentuk-bentuk terikat yang berkaitan digunakan dalam sesuatu struktur (kata) yang tertentu dan bukan seolah-olah disengaja sebagaimana menggunakan bentuk-bentuk imbuhan 'me', 'ter', 'di', 'pe' dan lain-lain atau penggunaan sesuatu bentuk bebas bagi tujuan penggandaan.

Dari keterangan-keterangan yang diberikan ini dapat dilihat bahawa sebahagian besar morfologi bahasa Melayu adalah berkait dengan *word formation* yang dikemukakan oleh Partridge. Cuma bentuk-bentuk sisipan sahaja yang tergolong sebagai *accidence formation*.

Pada bahagian awal sebelum ini, penyelidik telah menyatakan bahawa langkah yang harus dilakukan bagi mengenalpasti proses pembentukan kata selapis ialah dengan memahami ruang-lingkup morfologi itu sendiri. Jawapan harus didapati berkait dengan persoalan apakah bidang atau ruang-lingkup morfologi cuma terbatas kepada skop-skop yang telah dikaji oleh Abdullah

Hassan dan lain-lain atau masih adakah lagi skop yang belum dikaji kerana sehingga kini sekalipun belum ada kajian tentang pembentukan kata selapis sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu. Dalam melakukan usaha ke arah ini penyelidik telah memberikan perhatian kepada cabang-cabang morfologi sebagaimana yang dikemukakan oleh Partridge.

Kedua-dua cabang morfologi iaitu *word formation* dan *accidence formation* yang dinyatakan oleh Partridge terdapat dalam bahasa Melayu; walau bagaimanapun kajian-kajian morfologi bahasa Melayu sehingga kini cuma tertumpu kepada *word formation* khususnya berhubung dengan pengimbuhan dan penggandaan.

Dalam usaha mengenalpasti pembentukan kata selapis dalam bahasa Melayu, perhatian ditumpukan kepada pembentukan secara tidak langsung (*accidence formation*). Ini dilakukan kerana belum ada kajian sama ada secara umum mahupun secara khusus tentang cabang morfologi yang berkaitan. Langkah yang seterusnya ialah meneliti cara-cara bagaimana pemerhatian dapat dilakukan agar kajian terarah kepada matlamat. Dilihat secara keseluruhan, kajian morfologi bahasa Melayu sehingga kini tertumpu kepada bentuk-bentuk bebas dan bentuk-bentuk terikat dan belum ada lagi penghuraian tentang pembentukan kata selapis sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu. Oleh yang demikian penelitian ditumpukan ke arah fonem sebagai suatu unit bahasa yang lebih kecil berbanding sama ada dengan bentuk bebas mahupun bentuk terikat 'me', 'pe', 'ber', 'di' dan sebagainya.

Seperti yang telah dijelaskan, penggunaan bentuk-bentuk terikat sebagai sisipan iaitu 'el', 'em' dan 'er' adalah tergolong sebagai pembentukan secara tidak langsung. Dapat dilihat dengan jelas bahawa terdapat perkaitan semantik di antara perkataan yang mengandungi sisipan iaitu perkataan yang diterbitkan dengan perkataan yang menerbitkan: gigi, gerigi; susur, selusur; guruh, gemuruh; langit, lelangit; cacak, ceracak; dan sebagainya. Dapat dipastikan bahawa kewujudan perkataan-perkataan yang mengandungi sisipan adalah berkait dengan keperluan istilah. Sebagai contoh, pada suatu tahap perkembangan bahasa Melayu misalnya tidak terdapat perkataan 'gerigi' walau bagaimanapun di antara kosakata yang ada ialah 'gigi'. Dalam kehidupan misalnya timbul keperluan untuk menyebut keadaan sumbing-sumbing kecil atau besar yang terdapat pada mata sesebilah parang tetapi tidak ada lagi suatu istilah yang maksudnya dirujuk kepada keadaan mata parang tersebut. Oleh kerana sumbing-sumbing kecil atau besar itu kelihatan seperti 'gigi-gigi' maka terbentuklah perkataan 'gerigi'.

Perkaitan semantik bukan sahaja terdapat di antara sesuatu perkataan yang mengandungi sisipan dengan sesuatu perkataan yang menerbitkannya. Apa-apa juga perkataan yang diterbitkan melalui mana-mana proses morfologi tetap memperlihatkan perkaitan semantik dengan perkataan atau perkataan-perkataan yang menerbitkannya.


Oleh kerana semua proses morfologi memperlihatkan keadaan yang sama iaitu perkaitan semantik di antara sesuatu perkataan yang diterbitkan dengan sesuatu perkataan atau perkataan-perkataan yang menerbitkannya, penyelidik

menggunakan hakikat berkait dengan perkaitan semantik ini sebagai panduan yang amat penting. Sesuatu kata selapis yang diwujudkan melalui sesuatu proses morfologi sudah pasti memperlihatkan perkaitan semantik dengan sesuatu kata lain yang menerbitkannya.

Sebelum ini, penyelidik telah menjelaskan bahawa dalam usaha mengenalpasti pembentukan kata selapis sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu, perhatian diberikan kepada fonem. Oleh kerana fonem merupakan unit linguistik terkecil yang membezakan makna, sesuatu fonem atau beberapa fonem akan disisipkan atau digugurkan dari sesuatu kata selapis dan kemudian dipastikan sama ada sesuatu cara misalnya dengan menggugurkan sesuatu fonem yang terletak pada bahagian akhir sesuatu kata selapis dapat mewujudkan sesuatu kata selapis yang lain dan kata selapis yang berkenaan berkait pula secara semantik dengan kata selapis yang dianalisis pada mulanya itu. Dalam konteks mencari proses-proses pembentukan kata selapis ini, semuanya bunyi vokal tengah [ə] dimungkinkan berubah kepada bunyi vokal depan luas [a]. Ini perlu dilakukan kerana dari batu-batu bersurat Kedukan Bukit (683 T.M.) dan Talang Tuwo (684 T.M.) menunjukkan bahawa bahasa Melayu kuno tidak mempunyai vokal tengah sebagai satu unit bahasa.

Prosedur-prosedur seperti yang dijelaskan ini (dapat juga dilihat dari Rajah 1) dijadikan sebagai pendekatan bagi mengenalpasti proses-proses yang berkait dengan pembentukan kata selapis. Dalam keterangannya tentang kaedah rekonstruksi dalaman (*internal reconstruction*), Lehmann menjelaskan bahawa kajian *apophony* adalah memberi harapan sekiranya dapat ditemui kekerapan berhubung dengan proses morfologinya.<sup>8</sup> Kajian *apophony* adalah kajian yang berkait dengan morfologi dan terangkum ke dalam kajian berhubung dengan pembentukan secara tidak langsung (*accidence formation*). Kajian pembentukan kata selapis dalam bahasa Melayu adalah juga seperti kajian *apophony* iaitu berkait secara langsung dengan kaedah rekonstruksi dalaman dan menumpukan perhatian kepada perkembangan bahasa dari dalam. Kaedah rekonstruksi dalaman yang dikemukakan ini adalah berbeza dengan kajian Dialek Daerah dan Rekonstruksi Bahasa Purba yang melibatkan “inovasi” fonologi dan morfologi bahasa Melayu sebagaimana yang dikemukakan oleh Collins.<sup>9</sup>

Dari analisis semantik yang juga melibatkan kajian pembentukan kata secara tidak langsung, penyelidik mendapati bahawa tidak semua kata selapis diwujudkan dari sesuatu kata selapis yang lain. Perkataan-perkataan ‘nasi’, ‘lauk’ dan ‘ikan’ yang diberikan oleh Asmah sebagai contoh, tidak dapat dihuraikan pengwujudannya. Untuk keterangan-keterangan selanjutnya, penyelidik menggunakan istilah ‘penyimakna’ sebagai rujukan berhubung dengan proses-proses yang berkait dengan pembentukan kata selapis sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu. Istilah ‘penyimakna’ difikirkan sesuai kerana prosedur-prosedur yang dilakukan bagi mengenalpasti proses-proses yang berkaitan melibatkan penyemakan makna. Penggunaan ‘penyimakna’ sebagai suatu istilah adalah lebih tepat kerana tidak semua kata selapis dapat dihuraikan pengwujudannya.



RAJAH 1. Kaedah Rekonstruksi Dalam:  
 Kajian Morfologi dari Aspek *Accidence Formation*

(e)	tapi	-	tampi <sup>21</sup>
	(tapi)		
(f)	jeput	-	jempit
(g)	kepit	-	kampit <sup>22</sup>
	(kapit)		
(h)	keping		kerping <sup>23</sup>
(i)	rekah	-	rengkah
(j)	sodok	-	sondok
			senduk

### 1.2.5 PROSES 5

Penyimakna dalam bentuk pasangan minimal dan pasangan analogos. Sehingga kini pasangan minimal dan pasangan analogos digunakan dalam ilmu linguistik untuk mengenalpasti kewujudan fonem-fonem dalam sesuatu bahasa. Lihat contoh berikut:

#### *Pasangan minimal*

[haget]

[lan]

Fonem: /h/, /l/

[ikan]

[ikal]

Fonem: /l/, /n/

[gusi]

[guli]

Fonem: /s/, /l/

#### *Pasangan analogos*

[kumpol]

[lumpoh]

Fonem: /k/, /l/, /h/

[reban]

[rebot]

Fonem: /a/, /o/, /n/, /t/

[kamben]

[kumbar]

Fonem: /a/, /u/, /e/

Dari kajian ini, penyelidik juga mendapati bahawa ada di antara penyimakna dalam bahasa Melayu wujud dalam bentuk pasangan minimal dan pasangan analogos. Prinsip yang telah dijelaskan sebelum ini tetapi digunakan sebagai dasar untuk mengenalpasti sama ada sesuatu pasangan minimal atau pasangan analogos itu sebenarnya juga merupakan salah satu penyimakna dalam bahasa Melayu.



Untuk memahami perkara ini, penyelidik memberikan beberapa contoh. Perkataan-perkataan 'singgah' dan 'hinggap' dapat diwujudkan sebagai satu pasangan analogos; walau bagaimanapun kedua-dua perkataan ini mempunyai perkaitan semantik atau makna. Sama ada 'singgah' atau 'hinggap' membawa maksud 'berhenti'. 'Singgah' berkait dengan manusia dan 'hinggap' pula berkait dengan 'unggas'. Adalah jelas bahawa perkataan 'hinggap' berasal dari 'singgah'. Begitu juga perkataan-perkataan 'tenggong' [teŋgɔŋ] dan 'tenggek' [teŋge?] yang kedua-duanya mempunyai perkaitan semantik. Kedua-dua perkataan memperlihatkan perbuatan yang 'sama'. 'Tenggong' berkait dengan manusia dan 'tenggek' berkait dengan unggas. Dilihat dalam konteks penyimakna, perkataan 'tenggek' adalah berasal dari 'tenggong'.

Berikut dihuraikan lagi suatu contoh. Perkataan-perkataan 'kampung' dan 'sambung' wajar diwujudkan sebagai pasangan analogos. Sebagai pasangan analogos sudah tentulah pada dua gatra bunyi sahaja perkataan-perkataan tersebut berbeza. Kedua-dua perkataan ini tidak memperlihatkan perkaitan semantik oleh yang demikian salah satu daripadanya tidak menerbitkan yang lain; tidak mungkin 'kampung' menerbitkan 'sambung' atau di sebaliknya.

Perkataan 'kampung' dan 'kumpul' juga boleh diwujudkan sebagai pasangan analogos. Kedua-dua perkataan ini adalah berkait secara semantik. Ini dapat dilihat dengan jelas dari maksud perkataan 'berkampung' dalam pantun ini.

Hari ini menanam jagung  
Malam besok menanam serai  
Hari ini kita berkampung<sup>24</sup>  
Malam besok kita bercerai.

Dari keterangan yang telah diberikan adalah jelas bahawa perkataan 'kampung' adalah berkait secara semantik dengan 'kumpul'. Dilihat berdasarkan kepada analisis penyimakna dan berdasarkan kepada analisis semantik, dapat digalurkan bahawa perkataan 'kampung' adalah berasal dari perkataan 'kumpul'; 'berkumpul' menjadi 'berkampung'. Dalam konteks mengenalpasti perkataan-perkataan yang diwujudkan melalui proses-proses penyimakna kata yang sedemikian pada dasarnya berlaku pada tahap awal perkembangan bahasa Melayu. Adalah disedari bahawa bahasa bersifat arbitrari walau bagaimanapun dalam bahasa Melayu kewujudan sebahagian daripada kosakata-kosakatanya dapat diterangkan.

Sebenarnya banyak di antara kata selapis dalam bahasa Melayu yang dapat dihuraikan pengwujudannya melalui proses ke-5 seperti yang telah dijelaskan. Perkataan-perkataan yang berkaitan sering wujud sama ada dalam bentuk pasangan minimal ataupun pasangan analogos. Perkataan-perkataan 'rumpai' dan 'kumpai'<sup>25</sup> misalnya adalah merupakan satu pasangan minimal. Kedua-dua perkataan ini adalah berkait secara semantik. Dilihat dari aspek penyimakna, perkataan 'kumpai' adalah diterbitkan dari 'rumpai'. Dengan menggunakan prosedur penyimakna dapat juga dihuraikan bahawa 'jerat' berasal dari perkataan 'jerut'; 'cekik' dari 'cekak'; 'barut' dari 'balut'; 'teras' dari

	Pasangan minimal/ Pasangan analogos	Penyimakna
singgah pinggan	/	-
singgah hinggap	/	/
lidah buah	/	/
luah buah	/	-
sangkar sangkak	/	/
makan rakan	/	-
kayuh dayuj	/	/
darah tarah	/	-
pangkal tangkai	/	/

RAJAH 2. Beberapa Contoh Pasangan Minimal dan Pasangan Analogos yang Wujud Sebagai Penyimakna

'keras'; 'berbalah-balah' dari 'bersalah-salah'; 'relah' dari 'belah'; 'rapuh' dari 'reput'; 'hancing' dari 'kencing'; dan sebagainya.

Pasangan-pasangan perkataan yang tidak wujud sama ada sebagai pasangan minimal mahupun pasangan analogos sekiranya mempunyai perkaitan secara semantik antara satu dengan lain (dalam konteks ini mempunyai makna yang sama juga wajar dilihat dari aspek penyimakna. Salah satu dari dua perkataan yang sama ertinya adalah merupakan morfem punca walau bagaimanapun proses pembentukan kata yang sedemikian adalah lebih disebabkan oleh perubahan pada sesuatu unit bunyi dalam sesuatu perkataan yang diucapkan. Di antara contoh-contohnya ialah 'nipsis' dan 'tipis'; 'kais' dan 'kaih'; 'pijak' dan 'tijkak' dan lain-lain lagi.

Dalam Rajah 2 diberikan beberapa contoh yang jelas sama ada sesuatu pasangan minimal ataupun pasangan analogos wujud dalam konteks

penyimakna atau tidak. Dalam senarai 5 diberikan lagi beberapa contoh penyimakna dalam bentuk pasangan minimal dan pasangan analogos.

### Senarai 5

(a) serkup	(b) panjang
serkap	tunjang
(c) sumbat	(d) kendur
tumpat	lendut (melendut)
(e) alir	(f) hangat
alur	tangas
(g) luar	(h) lecur
luah	celur
(i) keras	(j) pantul (memantul)
teras	lantun (melantun)
(k) kalih	(mirip kepada alternasi
dalih	bebas)
(l) cengkam	(m) cungkil
genggam	sungkit
(n) angkat	(o) balut
angkit	belit
(p) goreng	(q) pangkal
garing	tangkai
(t) lekat	(s) singgah
lekit (melekit)	hinggap
(t) keras	(u) jerat
kerak	jebak
(v) tunggul	(w) rangkul
tungkul	rengkuh

#### 1.2.6 PROSES 6

Penyimakna yang melibatkan penurunan sukukata atau sebahagian daripada sukukata tertentu.

Penyimakna jenis ini juga memerlukan peneltian yang rapi sebagaimana penelitian yang harus diberikan terhadap penyimakna yang wujud sama ada dalam bentuk pasangan minimal ataupun pasangan analogos. Melihat perkataan semantik adalah amat perlu. Sukukata 'kok' misalnya terdapat dalam perkataan-perkataan 'bengkok', 'rokok', 'lengkok', 'kokok', 'cangkok', 'bongkok', dan lain-lain. Dari analisis semantik cuma 'bengkok', 'lengkok', 'cangkok' dan 'bongkok' wujud dalam konteks penyimakna. Tiap-tiap satu daripadanya bertalian dengan maksud 'bengkok'. 'Kokok' dan 'rokok' tidak pula mempunyai maksud demikian.

Dalam senarai 6 diberikan beberapa contoh penyimakna yang melibatkan penurunan sukukata atau sebahagian daripada sukukata.

## Senarai 6

## Perkataan Semantik

(a)	<i>bengkok</i>	<i>lengkok</i>	<i>cangkok</i>	'bengkok'
	<i>belok</i>	<i>kelok</i>	<i>lentok</i>	
(b)	<i>katuk</i>	<i>hantuk</i>	<i>tukul</i>	'memukul'
	<i>letuk</i>	<i>patuk</i>	<i>catuk</i>	
(c)	<i>tutup</i>	<i>katup</i>	<i>litup</i>	'menutup'

## 1.2.7 PROSES 7

Penyimakna yang melibatkan pembalikan sukukata. Penyimakna jenis ini adalah tidak produktif. Dalam senarai 7 diberikan beberapa contoh.

## Senarai 7

(a)	<i>kajang</i>	-	<i>jangka</i> <sup>26</sup>
(b)	<i>lama</i>	-	<i>mala</i> <sup>27</sup>
(c)	<i>bara</i>	-	<i>reba</i> <sup>28</sup> ( <i>raba</i> )
(d)	<i>sulung</i>	-	<i>bongsu</i> <sup>29</sup>
(e)	<i>kata</i>	-	<i>teka</i> ( <i>taka</i> )

## 1.2.8 PROSES 8

Penyimakna yang sukar ditentukan polanya walau bagaimanapun persamaan unit-unit bahasa dan pertalian semantik di antara perkataan-perkataan yang berkaitan dapat dikenalpasti.

Dalam Senarai 8 diberikan beberapa contoh.

## Senarai 8

(a)	<i>jalan</i>	-	<i>jangla</i> <sup>30</sup>
(b)	<i>celur</i>	-	<i>lecur</i> <sup>31</sup>
(c)	<i>jerut</i>	-	<i>rajut</i> <sup>32</sup>
(d)	<i>congak</i>	-	<i>congkak</i>
(e)	<i>lantai</i>	-	<i>pelantar</i>
(f)	<i>himpap</i>	-	<i>timpa</i>
(g)	<i>tangkap</i>	-	<i>perangkap</i>
(h)	<i>balik</i>	-	<i>kembali</i>
(i)	<i>lekat</i>	-	<i>perekat</i> <sup>33</sup>

## 1.2.9 PROSES 9

Penyimakna yang memperlihatkan bentuk onomatopoeis. Penyelidik mendapati bahawa beberapa perkataan dalam bahasa Melayu jelas memperlihatkan unsur-unsur onomatopoeia. Dalam senarai 9 diberikan beberapa contoh.

## Senarai 9

*Bunyi*

(a) pipit	pit pit pit
(b) gagak	ak ak
(c) jampuk	puk puk puk
(d) butbut	but-but-but ..
(e) tekukur	tuk ku kur ..
(f) kuang-kuit	kuang-kuit ..
(g) gong	gong.. gong.. gong..
(h) kerantung	tung.. tung.. tung..
(i) himpap	pap (bunyi jatuh)
(j) katuk	tuk (bunyi sesuatu kena ketuk)
(k) tukang (tuk + kang)	tuk.. tuk.. tuk.. dan kang.. kang.. (bunyi orang mengatuk sesuatu dan bertukang)
(l) tukang (burung)	tuk ! tuk ! kang !

### 1.3 PROSES-PROSES PENYIMAKNA MEMPERLIHATKAN PERKEMBANGAN KOSAKATA BAHASA MELAYU DARI DALAM (PADA TAHAP AWAL PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU).

Kaedah rekonstruksi dalaman (*internal reconstruction*) adalah berkesan bagi memperlihatkan perkembangan bahasa Melayu dari dalam. Pola-pola yang berkait dengan sesuatu proses pembentukan dapat dikenalpasti. Penemuan-penemuan berhubung dengan penyimakna dalam bahasa Melayu dengan jelas menunjukkan fungsi fonem berhubung dengan pembentukan kata. Fonem bukanlah cuma sebagai unit linguistik terkecil yang membezakan makna. Jumlah fonem dalam sesuatu bahasa adalah terhad walau bagaimanapun dari sejumlah fonem yang tidak seberapa ini kosakata dapat dibentuk tanpa had.


Berikut diberikan contoh-contoh yang memperlihatkan bahawa proses-proses penyimakna dalam bahasa Melayu berfungsi bagi mengembangkan kata-kata selapis. Lihat Rajah-rajah 3, 4, dan 5.

Pada masa ini kajian morfologi bahasa Melayu hanya terbatas kepada kajian *word formation*. Kajian tertumpu kepada bentuk-bentuk terikat yang dapat ditambah atau dikeluarkan dari sesuatu kata dasar yang telah menerima bentuk tersebut. *Accident formation* belum lagi dibuat sehingga kajian ini dilakukan. Oleh yang demikian contoh-contoh yang mencukupi perlu diberikan bagi memahami proses-proses yang berkaitan.

Perkataan 'adan'<sup>37</sup> misalnya adalah berasal daripada perkataan 'adang'. 'Adan' digunakan untuk 'adang'. Dengan adanya 'adan', kanak-kanak kecil tidak akan jatuh dari muka pintu. Rumah orang-orang Melayu adalah rumah








RAJAH 5. Proses-proses Penyimakna  
Memperembangkan Kata-kata Selapis

bersila atau duduk bersimpuh. duduk bersila bererti duduk pada keadaan kaki seolah-olah bersilang dan duduk bersempoh (simpuh) kaki seolah-olah bersimpul. Duduk bertenggong pula ialah duduk dengan suatu keadaan punggung tidak tercecah. Sekiranya posisi bertenggong diubah dengan berdiri sedikit sambil membongkokkan badan ke hadapan, maka posisi yang sedemikian itu disebut 'tonggeng' atau 'menonggeng'. Dari perkataan 'tonggeng' timbul pula perkataan 'tonggek'; apabila berdiri orang yang tonggek memperlihatkan bahagian punggung yang seolah-olah tertonjol ke belakang seperti keadaan punggung ketika menonggeng. Untuk lebih jelas lihat keterangan di bawah:





Sehingga kini, morfologi cuma dihubungkan dengan pembentukan kata. Kenyataan ini misalnya dapat dilihat dari Nida, Asmah, Abdullah Hassan, Schlauch, Partridge dan lain-lain. Di samping melibatkan pembentukan kata, morfologi juga hendaklah dilihat sebagai proses-proses pengkayaan kosakata. Dalam bahasa Melayu misalnya, dapat dilihat bahawa pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan, penggunaan sisipan dan pembentukan akronim dapat dengan mudahnya menambah kosakata yang menjangkaukan makna-makna yang tidak terjangkau oleh sesuatu kata dasar atau sesuatu kata selapis.

Dalam bahasa Melayu, proses-proses penyimakna melipat-gandakan jumlah kata selapis. Jumlah kata selapis yang sedia ada kian bertambah atau berkembang. Kata-kata selapis yang diwujudkan melalui sesuatu proses penyimakna juga turut berkembang dengan adanya penggunaan proses-proses pengimbuhan, penggandaan dan lain-lainnya itu.

Adalah diakui bahawa bahasa Melayu pada hari ini mengandungi banyak perkataan-perkataan pinjaman misalnya dari bahasa-bahasa Sanskrit, Tamil, Arab, Inggeris dan sebagainya; walau bagaimana pun tidaklah bererti bahawa sebelum kebudayaan Melayu menerima pengaruh dari luar, bahasa Melayu amat miskin sekali. Proses-proses penyimakna dan proses-proses lain dalam morfologi bahasa Melayu adalah daya kekuatan utama memperkayakan kosakata dalam bahasa Melayu.

Sejumlah kata selapis boleh mewujudkan sejumlah kosakata yang lebih banyak dengan adanya proses-proses penyimakna dan proses-proses lain seperti yang telah disebutkan. (lihat Rajah 6).

Seperti yang telah dijelaskan, morfologi tidak seharusnya cuma dilihat sebagai proses pembentukan kata. Morfologi juga adalah berkait dengan proses pengkayaan kosakata. Berikut diberikan lagi keterangan berhubung dengan perkara ini (lihat Rajah 7).

#### 1.4 PEMBENTUKAN AKRONIM DAN ASAL-USUL PANTUN MELAYU

Asmah menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis akronim dalam bahasa Melayu iaitu:

- (i) Menggabungkan suku kata pertama unsur pertama dan suku kata

kedua unsur kedua, misalnya:


habis kikis ----- hakis  
 asap kabut ----- asbut

- (ii) Menggabungkan unsur-unsur dengan cara memendekkan unsur pertama atau unsur praakhir. Pemendekan itu tidak didasarkan kepada kriterium tertentu 'ikut sedap sahaja', misalnya:


sama ukur ----- semukur  
 ke masa kini ----- kemaskini  
 jentera tolak ----- jentolak  
 makan serba ----- maserba  
 angka ubah ----- angkuubah

- (iii) Menggabungkan kata dengan memendekkan unsur kedua pada bahagian awalnya.

juru jentera ----- jurutera  
 pulih pelihara----- pulihara<sup>36</sup>



RAJAH 6. Morfologi Melibatkan Pengkayaan Kosakata



RAJAH 7. Morfologi Memperkayakan Kosakata

Dari kajian, penyelidik mendapati bahawa sebahagian daripada kata selapis seperti yang dilihat sekarang ini adalah sebenarnya terdiri daripada akronim. Sila lihat Senarai 10.

**Senarai 10**

**Beberapa Akronim Yang Dapat Dikesan**

Akronim	Perkataan-perkataan yang membentuk akronim
(a) kematu	<i>keras macam batu</i>

(b) kini	<i>sekarang ini</i>
(c) situ	<i>sana itu</i>
(d) pekasam	<i>peram ikan masam</i>
(e) pontianak	<i>perempuan mati anak</i>
(f) saudara	<i>satu darah</i>
(g) sanak-saudara	<i>satu anak satu darah</i>
(h) jambang <sup>37</sup>	<i>janggut kembang</i>
(i) celapak	<i>celah paha</i>
(j) jentik (jantik)	<i>jari petik</i>
(k) jangkal	<i>panjang jari dari pangkal ke pangkal</i>
(l) jongket	<i>hujung bangkit</i>
(m) pantun <sup>38</sup>	<i>pangkal tunjuk (menunjuk)</i>
(n) begini	<i>bagai ini</i>
(o) begitu	<i>bagai itu</i>

Berhubung dengan asal-usul perkataan 'pantun', Djajadiningrat telah memetik pendapat Branstetter yang dimuatkan dalam *Wir Menschen der indonesischen Erde*. Djajadiningrat telah menterjemahkan maksud Branstetter sebagai berikut:

.... bahawa perkataan 'pantun' Sunda itu akarnya ialah 'tun' yang terdapat juga dalam bahasa Pampanga 'tuntun', teratur, bahasa Tagalog 'tonton', mengucapkan sesuatu menurut sesuatu susunan, bahasa Jawa kuno 'tuntun', benang, 'tuntun', teratur dengan benang dan 'matuntunan' memimpin, bahasa Bisaya 'panton', mendidik, bahasa Toba 'pantun', kesopanan, kehormatan. Akar 'tun' jadi menunjukkan sesuatu yang teratur, yang lurus, baik konkrit atau abstrak. Oleh sebab 'pantun' Sunda itu dinyanyikan maka lahirlah perkataan Melayu 'pantun' yang bererti sajak liri.<sup>39</sup>

Keterangan Branstetter adalah sangat meragukan. Penyelidik mendapati bahawa perkataan 'pantun' adalah asli sebagai perkataan Melayu. Perkataan 'pantun' wujud dalam bentuk akronim dan berasal dari dua perkataan iaitu 'pangkal' dan 'tunjuk'. Pangkal ialah yang kita fahamkan sebagai pembayang maksud. Pangkal ini pula menunjuk kepada isi. 'Pantun' sebagai satu akronim diwujudkan dengan menggabungkan suku kata pertama perkataan 'pangkal' dengan suku kata pertama perkataan 'tunjuk'. Analisis dari aspek fonologi memperlihatkan bahawa bunyi sengau langit lembut [ŋ] dalam suku kata [paŋ] bertukar menjadi sengau gusi [n] kerana pengaruh bunyi letupan gigi-gusi tak bersuara [t] dalam suku kata [tun].

Membentuk sesuatu perkataan baru dengan menggabungkan beberapa perkataan lain bukanlah sesuatu yang asing dalam bahasa Melayu. Dalam Senarai 10 telah diberikan beberapa contoh lain akronim-akronim dalam bahasa Melayu. Kajian-kajian yang lalu tidak memberi perhatian kepada sejarah perkembangan kosakata bahasa Melayu dan tidak juga memberi perhatian kepada faktor semantik. Ini menyebabkan akronim-akronim dan kata-kata selapis yang sebenarnya berasal lebih dari satu morfem cuma dilihat sebagai satu kata sahaja.

Perkataan 'siapa' misalnya adalah terdiri daripada dua perkataan iaitu 'si' dan 'apa'. 'Siapa' sebenarnya adalah merupakan kata tanya yang terdiri dari dua morfem. 'Si' dihubungkan dengan nama seseorang, misalnya, 'Si Lebar', 'Si Kundur', 'Si Kulup', 'Si Budut' dan lain-lain. Pada tahap awal perkembangan bahasa Melayu kata tanya 'apa' adalah lebih dahulu wujud berbanding dengan kata tanya 'siapa'. Dalam penggunaan bahasa timbul kecenderungan untuk menggabungkan 'si' dengan 'apa' misalnya apabila orang pertama bertanya orang ketiga kepada orang kedua: 'Si apa?', dengan maksud misalnya "Si Kundur, Si Kulup atau Si Lebar". Fenomena bahasa seperti yang dijelaskan ini akhirnya mewujudkan perkataan 'siapa' sebagai satu tambahan kepada kata tanya 'apa'. Kata-kata tanya lain yang mudah dilihat strukturnya ialah 'kenapa' dan 'mengapa'. 'Kenapa' adalah terdiri daripada dua perkataan iaitu 'kena' dan 'apa'; 'mengapa' pula adalah terdiri daripada imbuhan 'me' dan perkataan 'apa'. Perkataan 'peluru' juga dapat dilihat sebagai terdiri dari dua morfem iaitu 'pe' dan 'luru'.

Untuk memperlihatkan bahawa penggabungan beberapa perkataan bagi mewujudkan sesuatu perkataan yang baru adalah merupakan perkara biasa dalam bahasa Melayu, diberikan lagi beberapa contoh. 'Begitu', 'begini', 'seperti', 'tempurung', 'tempayan', 'tembikar' dan 'sugi' misalnya adalah perkataan-perkataan yang tiap-tiap satu daripadanya terbentuk dari dua perkataan. 'Begitu' adalah dari 'bagai' dan 'itu yang bermaksud 'macam itu'; 'begini' dari 'bagai' dan 'ini'; 'seperti' dari 'satu' dan 'erti'; 'tempurung' dari 'tempat' dan 'kurung'; 'tempayan' dari 'tempat' dan 'air'; 'tembikar' dari 'tanah', 'di (kata partikal) dan 'bakar'; dan 'sugi' dari 'cuci' dan 'gigi'. Dalam meneliti pembentukan perkataan-perkataan yang telah diberikan sebagai contoh, akan didapati bahawa ada di antara perkataan-perkataan tersebut yang memerlukan penelitian rapi dari aspek fonologi bagi menentukan galurnya. Perubahan bunyi seharusnya juga diberi perhatian, sebagai contoh berkait dengan pembentukan perkataan 'tempayan' dan 'tembikar'.

Dari keterangan-keterangan yang telah diberikan terbukti bahawa dalam bahasa Melayu terdapat banyak perkataan yang terbentuk dari dua perkataan oleh yang demikian kewujudan 'pantun' sebagai salah satu akronim dalam bahasa Melayu adalah sesuatu yang pasti.

Terdapat empat jenis suku kata yang tulen sebagai suku kata bahasa Melayu iaitu:

- (i) V
- (ii) V K
- (iii) K V
- (iv) K V K

Kebanyakan perkataan dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua suku kata. Penyelidik mendapati bahawa di antara bunyi-bunyi konsonan dalam bahasa Melayu cuma ada beberapa sahaja yang kerap digunakan sebagai unit bunyi yang terdapat pada bahagian akhir sesuatu suku kata praakhir tertutup. Bunyi-bunyi tersebut ialah [m], [n] dan [ŋ]. Konsonan-konsonan yang mengisi

- (e) Hati pedih kalau bersedih.
- (f) Jangan diberi muka, nanti dia mua
- (g) Kalau tersumbat tentulah tumpat.  
Kalau sempit tentu terhimpit.

Untuk menghasilkan bahasa yang berirama atau yang mempunyai rima bukanlah terbatas kepada penggunaan perkataan-perkataan yang memperlihatkan perkaitan penyimakna. Ayat-ayat yang diberi sebagai contoh hanyalah untuk memperlihatkan bahawa perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu mudah digubah menjadi bahasa yang berirama. Penggunaan bahasa 'Uda dan Dara' karya Usman Awang adalah merupakan suatu contoh penggunaan bahasa berirama yang baik.

Kemudahan membentuk bahasa yang berirama dalam bahasa Melayu adalah merupakan asas kepada titik-tolak kewujudan pantun sebagai gubahan asli nenek-moyang orang-orang Melayu. Perkataan 'pantun' pula adalah perkataan asli dan wujud sebagai akronim dalam bahasa Melayu.

Menurut Winstedt dan Wilkinson iaitu sebagaimana yang dipetik dari Djajadiningrat, kewujudan pantun adalah dari sugesti bunyi. Di antara lain, Djajadiningrat menjelaskan:

Asas pantun, syaratnya yang pertama, tandanya yang nyata, menurut pikiran saya pertama sekali dengan tepat diucapkan oleh Wilkinson dan Winstedt: kedua baris yang pertama berisi suatu sugesti bunyi, iaitu bunyi yang memberi petunjuk bagi kedua baris yang akhir. Tentulah asal mulanya orang memakai sugesti bunyi itulah yang menyebabkan timbulnya pantun. Pada tempatnya benarlah Winstedt menunjukkan berdasar sugesti bunyi, misalnya: 'kayu lurus dalam ladang' dengan jawabnya:

'kerbau kurus banyak tulang'.<sup>40</sup>

Seperti yang dapat dilihat, Winstedt, Wilkinson dan Djajadiningrat menyebut bahawa sugesti bunyi adalah merupakan petunjuk kepada isi pantun. Berdasarkan kepada hakikat ini adalah jelas bahawa 'pantun' wujud dalam bentuk akronim. 'Pantun' adalah gabungan daripada dua perkataan iaitu 'pangkal' dan 'tunjuk' (pangkal yang menunjuk). Perkataan 'pantun' sebagai satu akronim tidak wajar dilihat berasal dari perkataan-perkataan 'sopan' dan 'santun'. Adalah tidak dinafikan bahawa kandungan pantun juga banyak yang memperlihatkan unsur-unsur kesopanan walau bagaimanapun unsur-unsur ini pada dasarnya tidak wujud dalam pantun-pantun dua kerat iaitu bentuk pantun yang terawal.

#### CATATAN

<sup>1</sup>Asmah Hj. Omar. 1980. *Nahu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 21-24.

<sup>2</sup>ibid.

<sup>3</sup>Phillip W. Davis. 1973. *Modern Theories of Languages*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. 1973, hal. 18.

<sup>4</sup>Asmah Hj. Omar. 1975. *Essays In Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 3.

<sup>5</sup>Kajian khusus tentang morfologi bahasa Melayu dapat dilihat dari Abdullah Hassan, *The Morphology of Malay*. 1974. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>6</sup>Margaret Schaluch, *Language and The Study of Languages Today*. 1967. London: Oxford University Press.

<sup>7</sup>Eric Partridge, *The World of Words*. 1970. New York: Books For Libraries Press, hal. 132.

<sup>8</sup>Winfred P. Lehmann, *Historical Linguistics*. 1973. New York: Rinehart and Winston, Inc.

<sup>9</sup>Untuk maklumat lebih lanjut, lihat Kajian Dialek Daerah dan Rekonstruksi Bahasa Purba. dalam *Dewan Bahasa*, Mei, 1986, hlm. 344-365.

<sup>10</sup>'depang' ialah perbuatan mendepakan tangan.

<sup>11</sup>'suap' ialah perbuatan menyuakan sesuatu ke mulut.

<sup>12</sup>'layur' ialah perbuatan melayukan daun (untuk dibuat barut) ke atas api

<sup>13</sup>'reda' dan 'redap' berkait dengan maksud 'berkurangan' walau bagaimanapun digunakan dalam konteks yang berlainan.

<sup>14</sup>'sila' yang dimaksudkan di sini ialah 'duduk bersila'.

<sup>15</sup>'alu' ialah anak lesung kaki yang 'memalu' atau 'memukul'.

<sup>16</sup>membuat 'lekar' [ləkar] ialah dengan caraseolah-olah melengkarkan lidi-lidi kelapa. Terdapat perubahan dari [e] kepada [ə].

<sup>17</sup>'angkit' ialah membangkit atau mengangkat sesuatu dengan menggunakan sesuatu alat. Contoh ayat: Dia mengangkit batu besar itu dengan kayu untuk digolekkan ke situ.

<sup>18</sup>'cekam' ialah sejenis penyakit yang biasa berlaku pada ibu jari kaki sekiranya kuku ibu jari itu mencengkam ke dalam.

<sup>19</sup>'labak' mempunyai sedikit kelainan makna dengan 'lambak'. Contoh ayat: Ia labak barang-barangnya di situ. Karungnya pecah dan barang-barangnya terlambak di situ.

<sup>20</sup>Mulut lampas ialah mulut yang lepas cakap.

<sup>21</sup>Menampi padi bererti mengeneipkan hampa padi dan antahnya bersekali.

<sup>22</sup>Kampit berkeadaan kecil dan agak nipis dan boleh dikepit apabila dibawa. (Kini ada juga kampit yang dibuat besar).

<sup>23</sup>Kerping kudis adalah seolah-olah berkeping.

<sup>24</sup>'Berkampung' adalah bermaksud 'berkumpul'.

<sup>25</sup>'Kumpai' ialah sejenis rumput yang biasa terdapat dalam paya. Batangnya menjalar dan agak kasar tetapi lembut.

<sup>26</sup>'jangka' ialah sejenis alat yang digunakan untuk membelah-belah mengkuang; 'kajang' dibuat daripada mengkuang untuk dijadikan 'atap' atau 'dinding' mudah.

<sup>27</sup>Bunga yang 'mala' ialah bunga yang sudah lama.

<sup>28</sup>'reba' ialah bara-bara yang berselerak selepas hutan dibakar (pembakaran pokok-pokok hutan yang telah ditebang adalah dengan tujuan untuk membuat ladang).

<sup>29</sup>Dilihat dalam konteks penyimakna 'sulung' mempunyai pertalian dengan perkataan 'ulu' yang bermaksud 'pangkal'. Dengan membalikkan 'sulung' timbul 'longu' yang akhirnya berubah kepada 'bongsu'. Daerah penyebutan [l] dan [b] adalah hampir sama.

<sup>30</sup>'jangla' bermaksud 'bebas berjalan' yang tidak baik.

<sup>31</sup>'celur' tergolong sebagai kata kerja dan 'lecur' adalah sebagai kata sifat.

<sup>32</sup>Seluar 'rajut' ialah seluar yang diikatkan ke pinggang dengan menggunakan tali atau getah. Tali atau getah yang digunakan itu berfungsi untuk 'menjerut' (melalui Proses 5 jerut/jarut menjadi jerat/jarat).

<sup>33</sup>Perekat boleh melekatkan.

<sup>34</sup>'aur' ialah sejenis buluh yang biasa tumbuh di tepi air (sungai).

<sup>35</sup>'baur' ialah joran yang dibuat daripada aur (kini baur diberi pengertian umum iaitu sebagai joran).

<sup>36</sup>'rengkuh' ialah perbuatan seolah-olah 'merangkul' dahan yang agak rendah ke bawah. Ini biasanya dilakukan untuk mencapai buah-buah yang terdapat pada sesuatu dahan.

<sup>37</sup>'andan' ialah galang atau halangan yang dibuat di muka pintu dan biasa disebut dengan istilah 'kayu adan'. Adan tidak berapa tinggi oleh itu boleh dilangkahi oleh orang-orang dewasa.

<sup>38</sup>Asmah Hj. Omar, *Nahu Mutakhir*, hal. 21-23

<sup>39</sup>Bunyi sengau langit lembut [ŋ] dalam suku kata 'jang' bertukar menjadi sengau dua bibir [m] kerana pengaruh bunyi letupan dua bersuara dalam suku kata 'bang'.

<sup>38</sup>Bunyi sengau lelangit lembut [ŋ] dalam suku kata 'pang' bertukar menjadi sengau gusi [ŋ] kerana pengaruh bungi letupan gigi-gusi tak bersuara [t] dalam suku kata 'tun'.  
Keterangan ini akan dijelaskan lagi selanjutnya.

<sup>39</sup>Hoessein Djajadiningrat, *Arti Pantun Yang Gaib*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd. TT, hlm. 16.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ardener, Edwin. 1971. *Social Anthropology and Language*. New York: Tavistock Publication.
- Asmah Hj. Omar. 1975. *Essays In Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ 1980. *Nahu Mutakhir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, Earl, R. 1975. *The Practice of Social Research*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company, Inc.
- Bolinger, Dwight dan Sears, Donald, A. 1981. *Aspects of Languages*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Ind.,
- Dahl, Otto Christian. 1977. *Proto-Austronesian*. London: Curzon Press, Ltd.
- Davis, Philip, W. 1973. *Modern Theories of Language*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- De Vito, Joseph A. 1973. *Language, Concepts and Processes*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Hall, D.G.E. 1973. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harrison, Brian. 1966. *Asia Tenggara : Satu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Aminurrashid. 1966. *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Malaysia Press Ltd.
- Hojjer, Harry, ed. 1954. *Language In Culture*. Chicago: University of Chicago Press.
- Honigman, John J. ed. 1973. *Handbook of Social and Cultural Anthropology*. Chicago: Rand McNally College Publishing Company.
- Jespersen, Otto. 1969. *Language, Its Nature, Development and Origin*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Lehmann, Winfred, P. 1973. *Historical Linguistics*, New York: Rinehart and Winston, Inc.
- Matthews, P.H. 1974. *Morphology, An Introduction To The Theory of Word-Structure*. London: Cambridge University Press.
- Meetham, A.R. ed. 1969. *Encyclopedia of Linguistics, Information and Control*. Printed in Japan by Toppan Printing Company Ltd.
- Neill, Wilfred T. 1973. *Twentieth-Century Indonesia*. New York: Columbia University Press.
- Partridge, Eric. 1970. *The World of Words*. New York: Book for Libraries Press.
- Pelto, Pertti, J. 1970. *Anthropological Research; the structure of inquiry*. New York: Harper & Row.
- R.A. Hoessein Djajadiningrat. *Arti Pantun Melayu Yang Gaib*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd., TT.
- Rauch, Irmengard dan Penzl, Herbert, ed. 1979. *Linguistic Method*. The Hague: Mouton Publishers.
- Schlauch, Margaret. 1967. *Language and The Study of Languages Today*. London Oxford University Press.



Slametmuljana. 1975. *Asal Bangsa dan Bahasa Nusantara*. Jakarta: Balai Pustaka.

Ullmann, Stephen. 1972. *Semantics*. London: Butler & Tanner Ltd.

Wilson, Richard albert. 1941. *The Miraculous Birth of Language*. London: The British Publishers Guild.

